

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
ADValue

**KEBAIKAN TERAPI GANTIAN UBAT METHADONE**  
**09 Jul 2009**  
**Maskulin**  
**NEWS**  
**N/A**  
**Monthly**  
**1,844**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
PRValue

**Malay**  
**68**  
**213 cm<sup>2</sup>**  
**Full Color**  
**5,532**




## KEBAIKAN TERAPI GANTIAN UBAT METHADONE

Kes pertama HIV di Malaysia telah dilaporkan pada tahun 1986. Dan sehingga kini, dilaporkan setiap hari hampir 7,500 orang di seluruh dunia dijangkiti HIV sementara 5,500 kes kematian melibatkan AIDS. HIV/AIDS di Malaysia adalah berbentuk epidemik 'concentrated'. Oleh itu, memerangi HIV/AIDS di kalangan para pengguna dadah suntikan merupakan cara yang kos efektif bagi mencegah epidemik yang lebih berleluasa di negara ini. Pengurangan kemudaran merupakan pendekatan yang digunakan di peringkat antarabangsa bagi memerangi HIV/AIDS. Ia memerlukan pelaksanaan pakej menyeluruh yang memberi keutamaan kepada mengurangkan kesan akibat penggunaan dadah suntikan daripada mengurangkan pengambilan dadah.

Terapi Gantian Dadah Methadone (MDST), pendekatan pengurangan kemudaran yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia terbukti dapat mengawal para pengambil heroin daripada

dijangkiti HIV/AIDS akibat menggunakan jarum dan picagari tercemar. Ketika berucap di bengkel media bertajuk "Memahami Terapi Gantian Dadah Methadone", Profesor Dr. Mohamad Hussain Habil, Ketua, Pakar Ketagihan dan Perunding Psikiatri di Jabatan Perubatan Psikologi, Pusat Perubatan Universiti Malaya berkata, MDST telah mencapai 90 peratus kadar kejayaan sejak projek perintisnya bermula pada tahun 2005. Barisan panel lain yang turut terlibat di dalam forum ini ialah Dr. Hj Mohd Khafidz Hj. Mohd Ishak (Presiden Persatuan Insaf Murni Malaysia), Profesor Dr. Rusli Ismail (Institut Penyelidikan Perubatan Molekul, Universiti Sains Malaysia), Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman (Presiden Majlis AIDS Malaysia dan Ketua Unit Penyakit Berjangkit, Jabatan Perubatan, Pusat Perubatan Universiti Malaya), Dr. Hj. Musa Jantan, (pengamal perubatan), Dr. Alex Wodak (Pegarah, Alcohol and Drug Service, St. Vincent's Hospital, Australia) dan Dr.



Robert Gaham (Pakar Staf, Addiction Medicine, Blacktown and Mt Druitt Hospitals, West of Sydney).

Projek perintis MDST diperkenalkan di Malaysia dalam tahun 2005 dengan membabitkan 1,240 orang pesakit di lapan buah hospital kerajaan, dua klinik kesihatan masyarakat dan tujuh pengamal kesihatan swasta. Program tersebut berjaya mencapai

kadar pembendungan sebanyak 90 peratus selepas 12 bulan pertama. Ini merupakan satu pencapaian besar apabila dibandingkan dengan piawaian kadar pembendungan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebanyak 55-60 peratus. Susulan daripada kejayaan itu, kerajaan telah merancang untuk menyenaraikan sekurang-kurangnya 75,000 pesakit lagi menjelang tahun 2015.